

Headline **Ejen taraf profesional**
Date **18 Jul 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **28**
Article Size **358 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,294**
PRValue **30,883**



Ejen taraf profesional

Akademi Etiqa sasar 30% capai tahap antarabangsa

SEJAK bila Akademi Etiqa ditubuhkan dan apakah objektif penubuhan secara keseluruhan?

Akademi Etiqa diwujudkan pada bulan Julai 2009 bertujuan menjadi satu akademi profesional bagi menyokong perkembangan perniagaan syarikat secara berterusan, memperkenalkan program yang lebih berstruktur dan berkualiti kepada ejen Etiqa berdasarkan kategori dan tahap kemahiran mereka dan menyediakan pembangunan dan sokongan untuk menyampaikan pengetahuan serta kemahiran yang berkaitan dalam menghadapi pasaran yang semakin mencabar.

Selain itu, di Akademi Etiqa, kami turut menyediakan perkhidmatan tambah nilai melalui pembelajaran elektronik.

Mengapakah Etiqa amat menitikberatkan pembangunan ejennya, terutama aspek pengetahuan dan ilmiyah?

Di Akademik Etiqa ini kami bukan saja memberi ilmu kepada ejen, tetapi melatih mereka menjadi pemimpin. Kami turut menekankan konsep keusahawa-

nan kepada semua ejen dan diberi pendedahan mengenai maklumat penting supaya mereka tidak hanya berada pada tahap sama dan potensi mereka boleh dikembangkan sehingga ke luar negara.

Kami juga menawarkan kursus Ijazah iaitu Pengurusan Risiko Perniagaan Dalam Insurans kepada ejen dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia dan ia juga satu lagi peningkatan dan peluang kepada ejen untuk melanjutkan pengajian di samping menjana pendapatan bersama Etiqa.

Hampir 200 program sudah diperkenalkan dan kami dapati ia berkesan dalam melahirkan ejen yang benar-benar menepati kehendak industri, selain mereka berjaya mencapai tahap keyakinan yang tinggi serta berpengalaman menjadi pelapis pemimpin dalam bidang ini.

Sejauh mana Akademi Etiqa membantu memberi peluang kerjaya kepada orang ramai, sekali gus menjana pendapatan?

Sejak ditubuhkan, ia sudah membangunkan lebih 8,000 ejen termasuk yang berjaya mencapai tahap pemimpin

dan pengurus ejen. Paling penting bagi kami adalah melihat pada permintaan dalam kualiti dan pembangunan ejen dan Etiqa sangat serius dalam membangunkan ejen untuk menjadi usahawan takaful berjaya.

Sebagai pengendali takaful utama di negara ini, kami memberi kelainan dengan cara menyediakan ejen untuk mencapai tahap profesional kerana kami tidak hanya mahu dikenali sebagai pengendali takaful terbesar dan utama, tetapi juga sebagai pusat melahirkan ejen berjaya sehingga peringkat antarabangsa.

Akademi Etiqa adalah platform tepat untuk menjadi ejen Insurans dan Takaful Etiqa. Dari seminar dan acara khas kepada rundingan peribadi, kami menyediakan sumber dan bantuan yang diperlukan untuk menyumbang kepada masyarakat dan juga kepada diri sendiri.

Apakah perancangan Akademi Etiqa pada tahun ini?

Kami akan memperkenalkan konsep pembangunan usahawan takaful ini dengan

lebih menyeluruh ke institusi pengajian di seluruh negara bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar. Kami tidak hanya fokus pada akademik, tetapi juga tugas amali. Dalam tempoh terdekat, Akademi Etiqa sudah mengadakan perbincangan dengan institusi pengajian awam di Kelantan dan Sarawak untuk menajayakan program ini.

Apakah sasaran Akademi Etiqa dan bagaimana untuk menyertainya?

Kami menyasarkan untuk membangunkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada ejen Etiqa mencapai tahap antarabangsa iaitu mereka menjadi ejen profesional dari segi pengiktirafan, kemahiran, pelaksanaan dan prestasi jualan.

Dalam tempoh dua tahun, kami yakin dapat mencapai peningkatan ini, lebih-lebih lagi dengan usaha berterusan dan agresif kakitangan Akademi Etiqa dan kemudahan lengkap yang disediakan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Akademi Etiqa, layari www.etiqa.com.my atau hubungi 03-2612 5140.

Headline **Ejen taraf profesional**
Date **18 Jul 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **28**
Article Size **358 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,294**
PRValue **30,883**

MALAYSIA semakin kukuh dalam industri takaful dan kini negara menjadi antara pasaran takaful terbesar di dunia. Pengendali takaful utama di negara ini, Etiqa Insurans dan Takaful terus komited menawarkan produk insurans dan takafulnya melalui pelbagai saluran.

Lebih membanggakan, kini Etiqa mempunyai lebih kurang 23,000 ejen di seluruh negara yang dibangunkan dan diberi latihan bagi melahirkan barisan ejen profesional yang berkelayakan serta berdedikasi menerusi Akademi Etiqa.

Ikuti temu bual wartawan Bisnes Metro, **Sri Ayu Kartikawati Amri** bersama Ketua Akademi Etiqa, Mohd Sani Ayob mengenai hala tuju penubuhan Akademik Etiqa terutama dalam membantu meluaskan pasaran takaful serta membuka lebih banyak peluang kerjaya kepada masyarakat di Malaysia.



MOHD SANI...Etiqa serius bangunkan ejen